

Cukai Anda Masa Hadapan Kita

Cukai ialah sumber utama pendapatan negara yang memainkan peranan penting dalam memastikan Malaysia terus berkembang sebagai sebuah negara yang makmur dan progresif. Namun begitu, perkara ini hanya boleh dicapai jika setiap rakyat menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai.

Kepentingan Cukai terhadap Negara

Cukai merupakan nadi kepada ekonomi negara melalui kutipan hasil cukai yang digunakan untuk menyokong pelbagai sektor utama seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan dan pembangunan infrastruktur.

Apabila anda membayar cukai, anda bukan hanya menunaikan tanggungjawab anda, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan negara. Anda melabur dalam masa hadapan Malaysia untuk generasi akan datang.

Kepatuhan Cukai: Tanggungjawab Bersama

Satu daripada tunjang utama kejayaan sistem percukaian negara ialah kepatuhan terhadap cukai. Setiap individu dan perniagaan bertanggungjawab melaporkan pendapatan mereka dengan jujur dan membayar jumlah cukai yang sewajarnya.

Kegagalan melakukannya bukan sahaja melanggar undang-undang tetapi turut menjejaskan usaha kerajaan untuk memastikan pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan lancar.

MyTax

INFO PERCUKAIAN di Hujung Jari Anda

<https://mytax.hasil.gov.my>

www.hasil.gov.my 03-8911 1000 facebook.com/HASILMalaysia hasil_malaysia @HASIL_Malaysia @HASIL_Malaysia @hasil_malaysia

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

SUMBER: HASIL

Selain itu, kepatuhan cukai merangkumi kejujuran dalam melaporkan pendapatan, mengelak daripada amalan pengelakan cukai dan tidak terlibat dalam penipuan cukai.

Tindakan tidak bertanggungjawab seperti gagal mematuhi undang-undang percukaian bukan sahaja membawa kesan buruk kepada ekonomi negara tetapi juga merosakkan asas kepercayaan dalam sistem percukaian.

Bagi memupuk kepatuhan cukai secara sukarela, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah mengambil pendekatan Kesedaran, Pendidikan dan Perkhidmatan (A.E.S).

Pendekatan ini bertujuan mendekati pelbagai kumpulan sasaran, termasuk pembayar cukai sedia ada, bakal pembayar cukai, serta individu atau perniagaan yang masih belum berada dalam sistem cukai.

HASiL Mempermudah Urusan Cukai Anda

HASiL komited untuk memastikan setiap rakyat dapat menunaikan tanggungjawab cukai mereka dengan mudah dan lancar. Bermula pada 1 Januari 2024, semua urusan cukai dilakukan sepenuhnya melalui platform digital, Portal MyTax.



Mengurangkan proses manual dan kesilapan

Pemprosesan invoice bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi dan data secara elektronik.



Memudahkan pengemukaan borang nyata

Pelaporan percukaian yang cekap dan tepat melalui integrasi sistem yang lancar.



Meningkatkan kecekapan operasi

Pemeriksaan kecekapan pengoperasian serta menjimatkan masa dan kos.



Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan

Penyelarasan proses pendigitalan dan pelaporan kewangan berdasarkan piawaian industri.

Melalui portal ini, anda boleh mengakses maklumat cukai, melaporkan pendapatan dan membuat pembayaran secara dalam talian dan semuanya dipermudah dengan hanya melakukan beberapa klik sahaja.

Penggunaan e-Perkhidmatan diwajibkan sepenuhnya mulai 1 Januari 2024 menerusi Portal MyTax (<https://mytax.hasil.gov.my>). Pelaksanaan mandatori penggunaan e-Perkhidmatan ini juga merupakan satu daripada usaha HASiL dalam menerapkan elemen Kesedaran, Pendidikan dan Perkhidmatan (A.E.S) dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Pelaksanaan penggunaan e-perkhidmatan secara mandatori ini bertujuan untuk:

1. Memberikan akses yang mudah, selamat dan pantas kepada para pembayar cukai dalam melaksanakan urusan percukaian mereka tanpa perlu hadir ke pejabat HASiL.
2. Meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan HASiL kepada pelanggan.

Transformasi Digital dengan e-Invois

Selain itu, HASiL juga melaksanakan inisiatif e-Invois sebagai sebahagian daripada usaha mendigitalkan sistem percukaian negara. Dengan e-Invois, transaksi perniagaan direkodkan secara digital, memastikan ketelusan dan kecekapan dalam urusan niaga. Keadaan ini juga membantu mengurangkan risiko pengelakan cukai sekali gus memastikan kutipan cukai yang lebih tepat.

e-Invois: Memudahkan cara, meningkatkan pematuhan cukai dan memastikan ketelusan urusan niaga.

Cukai Anda, Masa hadapan Kita

Marilah kita memainkan peranan masing-masing dengan membayar cukai tepat pada masanya dan bertanggungjawab. Ingatlah, "Cukai Anda, Masa Hadapan Kita" dan melalui setiap pembayar cukai, kita membina asas yang kukuh untuk Malaysia yang gemilang.